



KENYATAAN MEDIA
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

STATUS JEREBU DALAM NEGARA
2 SEPTEMBER 2016 (JUMAAT)

Status kualiti udara dalam negara terus bertambah baik. Sehingga jam 11 pagi, sebanyak 47 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik' dan sebanyak 5 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'sederhana'. **Tiada (0) kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat'.**

BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 1 September 2016, sebanyak 8 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia, manakala sebanyak 1 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan. Sementara itu, tiada (0) titik panas (hotspot) dikesan dalam negara.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak *ASMC* pada 1 September 2016 adalah seperti di **Rajah 1**.

TINDAKAN-TINDAKAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu masih tidak menentu. Titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

Mekanisme tindak balas (response mechanism) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan**. Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi menghadapi episod jerebu mengikut peringkat dan tahap berjaga-jaga dengan berpandukan bacaan IPU mengikut tempoh masa tertentu. Selaras dengan Pelan tersebut, tindakan-tindakan berikut telah diambil oleh agensi yang terlibat iaitu:-

- (i) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengaktifkan Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan pada 29 Ogos 2016; dan
- (ii) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengaktifkan Jawatankuasa Kerja Menangani Situasi Jerebu pada 19 Ogos 2016.

Di peringkat serantau, YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengutus surat kepada Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia pada 22 Ogos 2016 untuk melahirkan kebimbangan Malaysia tentang isu jerebu rentas sempadan akibat kebakaran tanah dan hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. **Melalui surat tersebut, gesaan juga telah dibuat supaya Kerajaan Indonesia mempertingkatkan tindakan pencegahan dan pemadaman kebakaran supaya pencemaran jerebu yang berlaku kini dapat dihentikan segera.**

NASIHAT

Untuk tidak memburukkan keadaan berjerembu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 1 September 2016, sebanyak 2,370 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (315 kes), kawasan pertanian (612 kes), kawasan industri (16 kes), tapak pembinaan (51 kes), tapak pelupusan sampah (72 kes), kawasan belukar (542 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (762 kes).

Sebagai agensi penguatkuasa yang komited dan tegas dalam menjalankan tugas penguatkuasaan, JAS telah mengeluarkan kompaun untuk **214 kes pembakaran terbuka dengan jumlah kompaun yang dikutip sebanyak RM 248,066.00**. Kes pembakaran terbuka yang telah diberikan Notis Arahan adalah sebanyak 29 kes, 21 kes telah dikeluarkan Surat Arahan, manakala 15 kes sedang dilengkapi Kertas Siasatan untuk tindakan mahkamah bagi tempoh 1 Januari hingga 1 September 2016.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play'.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
2 SEPTEMBER 2016**

PETA JEREBU SERANTAU, 1 SEPTEMBER 2016

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

Regional Haze Update

Hotspot activities in the ASEAN region are mostly subdued due to widespread shower activities. Few hotspots were detected in southern Sumatra. Over the next few days, the prevailing winds in the region are expected to blow from the southeast or southwest.

Updated 6:15 PM 1 Sep

